


Lihat ilustrasi kartun di bawah ini dengan telitinya.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan-kepentingan Internet dalam kehidupan masyarakat. Lengkapkan karangan dengan ayat yang sesuai.

(KBAT) Mengenalal: Menilai

KEPENTINGAN INTERNET DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT



- Perkhidmatan Internet juga memudahkan pembayaran bil dan urusan perbankan.
- Tuntasnya, Internet mampu memberikan 1001 kemudahan kepada pengguna.
- Maklumat dimuatnaikkan dalam rangkaian Internet oleh pelbagai pihak dengan begitu pantas.
- Syarikat telekomunikasi berlumba-lumba membuka laman web mereka bagi membolehkan pengguna berkomunikasi di Internet.
- Pada zaman revolusi teknologi telekomunikasi dan multimedia tanpa had ini, Internet menjadi satu keperluan penting dalam kehidupan kita.

Kewujudan rangkaian jaringan sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, dan *Twitter* yang semakin meluas turut meningkatkan penggunaan Internet lagi. Sedar atau tidak, penggunaan Internet juga telah sampai di segenap desa apatah lagi selepas wujudnya teknologi '4G' dan "5G". Kini, penggunaan Internet tidak hanya terhad di tempat kerja, malah institusi pendidikan turut menggunakan Internet sebagai satu kaedah pembelajaran. Persoalannya, apakah kepentingan-kepentingan Internet dalam kehidupan masyarakat?

Dengan adanya Internet, dunia kini ibarat tanpa sempadan. Melalui Internet, kita dapat memperoleh ilmu dan mengetahui isu semasa yang berlaku di dalam dan di luar negara. _____

Kita cuma perlu menekan papan kekunci dan menaip maklumat yang kita kehendaki dalam carian enjin google atau yahoo. Dalam beberapa saat, segala maklumat tersebut akan tertera di skrin komputer. Oleh hal yang demikian, kita tidak lagi menjadi "seperti katak di bawah tempurung" seterusnya menjadi insan yang berilmu. _____

Kita boleh mengakses terus ke akaun bank dan membuat pembayaran secara dalam talian. Perkara ini dapat dibuktikan apabila banyak bank telah menyediakan perkhidmatan perbankan di Internet kepada pelanggan untuk memindahkan wang ke dalam akaun lain dan menyimpan wang secara atas talian. Kini, pembayaran bil api, elektrik, air, dan urusan lain boleh dilakukan di warung kopi, di rumah, di pejabat, ataupun di taman tema tanpa perlu bersusah payah beratur di kaunter. Oleh itu, "sudah terang lagi bersuluh" bahawa Internet dapat membantu menjimatkan masa dan tenaga kerana kita tidak perlu beratur panjang di kaunter bayaran.

Kepentingan lain Internet ialah mengeratkan hubungan silaturahim. Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan di Internet untuk tujuan komunikasi. _____

Berkomunikasi di Internet bukan sahaja melibatkan suara orang yang dihubungi, malah kita dapat berkomunikasi secara bersemuka dan melihat wajah kenalan atau individu yang baru kita kenali. Terbuktilah bahawa dengan adanya Internet, kecekapan dan kekerapan dalam komunikasi akan bertambah baik. _____

Maka, pihak kerajaan perlu mendidik masyarakat agar bijak menggunakan Internet bagi melahirkan generasi celik IT yang setanding dengan masyarakat negara-negara maju. Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk mendidik anak-anak supaya mempelajari Internet di rumah kerana "melentur buluh biarlah ketika rebung". Kita sebagai manusia yang dianugerahkan akal fikiran oleh Tuhan sewajarnya memanfaatkan kemudahan Internet dengan semaksimum yang mungkin.